

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat disini. Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am Polisi.

Insurans Empunya Rumah dan/atau Empunya Isi Rumah

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah tentang Produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan kepada bangunan dan/atau barangan dan ia melindungi kerugian atau kerosakan akibat: kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah atau oleh sebarang peril yang disebutkan di dalam Polisi ini.

2. Apakah perlindungan atau manfaat yang diberikan?

Polis ini melindungi : kerugian atau kerosakan kepada bangunan dan/atau barangan akibat kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah, letupan, pesawat terbang, hentaman, pecah atau limpahan tangki air domestik, apparatus atau paip, kecurian, hurikan, siklon, ribut angin, gempa bumi, letupan gunung berapi dan banjir. Anda boleh memperluaskan perlindungan kepada risiko berikut dengan membayar premium tambahan: penenggelaman, gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan niat jahat, liabiliti kepada pihak ketiga bagi kemalangan di dalam rumah anda, kemalangan kepada cermin kaca, tuan tanah, barangan rumah, pakaian persendirian, kecederaan membawa maut semasa rompak atau kebakaran. Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui insurans Polisi anda setiap tahun.

3. Berapa premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang anda kena bayar mungkin berbeza bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan dan klasifikasi binaan bangunan.

Penerangan	Klasifikasi Binaan			
	1A	1B	2	3
KLASIFIKASI PEKERJAAN EMPUNYA (BANGUNAN)				
(A). Rumah Persendirian - Tidak Bersambung dan Bersambung	0.090%	0.226%	0.243%	0.548%
(B). Rumah Persendirian - Rumah Pangsa dan Pangsapuri	0.093%	0.243%	0.349%	0.706%
ISI RUMAH (BARANGAN)				
(A). Rumah Persendirian - Rumah Pangsa dan Pangsapuri	0.338%	0.520%	0.650%	1.041%
(B). Harta Penghuni di dalam Hotel, Kelab Resident dan Rumah Tumpangan.	50% Beban keatas Kadar barangan			
PERLINDUNGAN TAMBAHAN :				
(a). Penenggelaman dan Gelinciran Tanah	0.081%			
(b). Rusuhan, Mogok dan Niat Jahat	0.010%			
(c). Liabiliti kepada pihak ketiga				
i. RM100,000.00	RM10.00			
ii. RM250,000.00	RM20.00			
(d). Cermin Kaca	0.05% daripada Jumlah yang diinsuranskan keatas bangunan			

4. Selain daripada premium dan Cukai Perkhidmatan yang berkenaan, apakah kos dan caj lain yang harus saya bayar?

Komisen yang dibayar kepada ejen insurans : 15% daripada Premium Kasar
Duti Setem : RM10.00

5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

Kontrak Insurans Pelanggan

Menurut Perenggan 5 daripada jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, di mana anda telah memohon untuk insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, anda

mempunyai tanggungjawab untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) iaitu kamu mungkin menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans mengikut remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan kewangan 2013. Anda juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu berkaitan pada keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau mempunyai perubahan.

Kontrak Insurans Komersial

Menurut Perenggan 4 (1) jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, di mana anda telah memohon untuk insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang munasabah dalam keadaan itu mungkin dijangka untuk tahu sebagai relevan jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau mempunyai perubahan.

6. Apakah pengecualian penting dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi sebahagian kerugian, seperti: kerugian/kerosakan akibat penenggelaman, gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan niat jahat, perlindungan bagi kecederaan yang membawa maut kepada orang yang diinsuranskan. Senarai ini tidak habis. Sila rujuk kepada sampel Polisi/Polisi kontrak untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada The Pacific Insurans Berhad dan premium seterusnya akan diselaraskan atas asas The Pacific Insurance Berhad menerima atau memegang premium jangka pendek yang lazim atau premium minimum daripada tempoh insurans yang belum luput.

8. Apa yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting bahawa anda memberitahu The Pacific Insurance Berhad tentang segala perubahan dalam alamat atau butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat anda tiba pada waktu yang tepat.

9. Bagaimana saya membuat tuntutan?

Anda hendaklah apabila berlaku sebarang kerugian atau kerosakan kepada harta yang diinsuranskan memberi notis bertulis dengan segera kepada The Pacific Insurance Berhad dan atas belanja sendiri dalam masa tiga puluh hari selepas kejadian kerugian atau kerosakan menghantar kepada The Pacific Insurance Berhad tuntutan bertulis berserta huraian terperinci dan bukti yang mungkin diperlukan. Dalam soal kerugian atau kerosakan oleh kecurian atau apa cubaan terhadapnya, anda juga perlu memberi notis dengan segera kepada Polis.

10. Apakah jenis perlindungan Insurans Empunya Rumah dan/atau Isi Rumah lain yang terdapat di The Pacific Insurance?

Jenis Perlindungan Insurans Rumah yang lain boleh di lawati di laman sesawang kami di www.pacificinsurance.com.my

11. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lain, sila hubungi :-

The Pacific Insurance Berhad (91603-K)

40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)

Tel: +603-2633 8999 Fax: +603-2633 8998 Talian Bebas Tol: 1800 88 1629

Emel: customerservice@pacificinsurance.com.my

Laman Sesawang: www.pacificinsurance.com.my

12. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

TANDATANGAN

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA PAMPASAN BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA HENDAKLAH MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERUNDING DENGAN EJEN INSURANS ATAU HUBUNGI THE PACIFIC INSURANCE BERHAD TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pemeritahuan Produk adalah sah pada **1 Mac 2024**.